

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [  
SUNGAI SIPUT ]**

**SOALAN NO. 226**

Tuan Kesavan A/L Subramaniam [ Sungai Siput ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian akan memperjuangkan untuk lebih banyak peruntukan bagi sekolah-sekolah mualigh, supaya mereka mampu menyelenggara infrastruktur sekolah.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat

Kebanyakan sekolah mualigh berstatus sekolah bantuan kerajaan (SBK). Sekolah ini beroperasi di atas tanah hak milik gereja, persendirian, tanah pajakan kerajaan negeri atau Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP).

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memberikan peruntukan kepada semua sekolah bantuan kerajaan termasuk sekolah mualigh meliputi peruntukan mengurus yang merangkumi emolumen dan elauan guru, bayaran utiliti, kawalan keselamatan dan pembersihan kawasan, pemberian bantuan Perkapita (PCG), dan peralatan pengajaran dan pembelajaran. Sekolah mualigh SBK juga turut menerima bantuan untuk menampung kos operasi. Peruntukan utiliti (air dan elektrik) juga disediakan iaitu kadar maksimum RM5,000.00 sebulan seperti yang diluluskan Kementerian Kewangan.

Walaupun tanggungjawab membiayai pembangunan dan penyelenggaraan sekolah mubaligh terletak kepada pihak Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) disebabkan bangunan dan tapak sekolah mubaligh bukan milik kerajaan. Namun, kerajaan turut memberikan sumbangan bantuan kepada sekolah mubaligh SBK di bawah Pakej Rangsangan Khas dan Tabung Penyelenggaraan Sekolah melalui Belanjawan Tahunan. Pengagihan peruntukan ini adalah melalui permohonan sekolah kepada Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) mengikut garis panduan dan prosedur yang ditetapkan.

RT31/224